

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 19 MAC 2015 [KHAMIS]

SOALAN : YB Tuan Er Teck Hwa minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilangan pengusaha burung walit yang melanggar SOP Kementerian telah disiasat, dihukum dan dibebaskan oleh penguat kuasa setiap tahun daripada 2010 hingga 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berperanan melakukan program pengembangan dan khidmat rundingan kepada pengusaha-pengusaha sarang burung walit bagi tujuan pembangunan dan kemajuan industri berkenaan terutamanya pengeluaran sarang burung walit.

Di peringkat MOA, tiada akta atau undang-undang yang boleh mensabitkan pengusaha sarang burung walit yang melanggar *standard of procedure* (SOP) memandangkan SOP yang digunapakai hanyalah

sebagai garis panduan dan Amalan Operasi Terpiawai kepada pengusaha bagi pengwujudan sistem perladangan yang baik. Garis panduan berkenaan bukanlah peraturan yang dikuatkuasakan bagi tujuan perundangan dan tiada sabitan undang-undang dilakukan.

Oleh yang demikian, tiada pengusaha sarang burung walit telah disiasat, dihukum dan dibebaskan oleh Kementerian ini sepanjang tempoh yang dinyatakan iaitu daripada tahun 2010 hingga 2014.

Adalah dimaklumkan juga bahawa pelesenan premis bagi menjalankan perladangan dan pemprosesan sarang burung walit adalah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT).